

GARIS PANDUAN MENJALANKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

1. Badan pelajar hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung tiap-tiap tahun selepas 7 hari bekerja daripada tarikh pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar dijalankan. Tempoh masa yang diberikan kepada semua badan pelajar untuk menjalankan mesyuarat agung ialah dua (2) minggu sahaja untuk memilih pemegang-pemegang jawatan bagi tahun yang akan datang.
2. Permohonan mengadakan mesyuarat agung mesti dikemukakan kepada pihak Unit Aktiviti & Badan Pelajar **tidak kurang dari dua minggu** hari bekerja sebelum mesyuarat dijalankan. Setiausaha Badan Pelajar perlu mengemukakan permohonan tersebut dengan menggunakan borang yang berkaitan.
3. Borang hendaklah lengkap dan dilampirkan dokumen berikut :
 - a. Agenda Mesyuarat Agung
 - b. Senarai daftar ahli
4. Selepas diluluskan permohonan untuk mengadakan Mesyuarat Agung, Majlis Eksekutif hendaklah menaikkan notis tidak kurang daripada **lima (5) hari** daripada tarikh mesyuarat Agung akan diadakan kepada ahli-ahli badan pelajar.
5. Pegawai Unit Aktiviti & Badan Pelajar atau Pegawai JHEPA yang dilantik boleh menghantar wakil untuk hadir dalam mesyuarat tersebut dan ia boleh mengawasinya dan memberi apa-apa arahan mengenainya jika difikirkan perlu.
6. Satu Salinan minit mesyuarat tersebut, laporan tahunan, dan kewangan hendaklah dihantar oleh Setiausaha Badan Pelajar tersebut kepada Unit Aktiviti & Badan Pelajar.
7. Senarai pemegang jawatan dan minit mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada Unit Aktiviti & Badan Pelajar selewat-lewatnya seminggu selepas mesyuarat dengan menggunakan **Borang Pengemaskinian Badan Pelajar**.
8. Badan pelajar hendaklah dalam mesyuarat agung tahunannya memilih empat (4) jawatan dari antara ahli-ahlinya :
 - a. Seorang Pengerusi / Presiden
 - b. Seorang Naib Pengerusi / Naib Presiden
 - c. Seorang Setiausaha
 - d. Seorang Bendahari

9. Jawatan lain yang dicadangkan hanya boleh dilantik setelah mendapat kelulusan daripada Timbalan Naib Canselor HEPA. Majlis Eksekutif perlu mengemukakan justifikasi perlantikan jawatan lain dan mesti menepati perancangan kegiatan badan pelajar pada tahun itu.
10. Keputusan Mesyuarat Agung Badan Pelajar hendaklah dibuat dengan **undi lebihan majoriti dari kalangan ahli yang hadir.**
11. Badan Pelajar yang gagal mengadakan Mesyuarat Agung dalam tempoh yang ditetapkan boleh dibatalkan pendaftarannya.

GELARAN PEMEGANG – PEMEGANG JAWATANKUASA PENGURUSAN BADAN PELAJAR UMP

Gelaran bagi Pemegang-pemegang Jawatankuasa Badan Pelajar adalah seperti yang diperuntukan di dalam Akta Universiti & Kolej Universiti 1971 pindaan 2009 seperti berikut :

1. Pengerusi : Gelaran bagi penyandang ketua bagi badan-badan pelajar berbentuk **Persatuan**
2. Presiden : Gelaran bagi penyandang ketua bagi badan-badan pelajar berbentuk **Kelab**
3. Naib Pengerusi : Gelaran bagi penyandang pembantu ketua bagi badan-badan pelajar berbentuk **Persatuan**
4. Naib Presiden : Gelaran bagi penyandang pembantu ketua bagi badan-badan pelajar berbentuk **Kelab**
5. Setiausaha : Gelaran bagi Setiausaha bagi **Persatuan** atau **Kelab**
6. Bendahari : Gelaran bagi Bendahari bagi **Persatuan** atau **Kelab**